



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 SEPTEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 23 September 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **16,628 kes** (1,933,716 kes kumulatif, 89.7%);
- Kes baharu : **13,754 kes** (2,156,678 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (3 warganegara; 1 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **13,750 kes** [12,491 warganegara (90.8%); 1,259 bukan warganegara (9.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,107 kes** (868 kes COVID-19; 239 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **613 kes** (387 kes COVID-19; 226 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **5,369 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,101 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,268 kluster**.

Daripada **13,754 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini,

- **233 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **13,521 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kluster-kluster baharu, dan nilai  $R_T$  mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Data kematian dan data-data lain bagi situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman GitHub dan laman web **COVIDNOW** di <https://covidnow.moh.gov.my>.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

23 September 2021 @ 6:45 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>PURATA KES 7 HARI*</b>	<b>KADAR INSIDEN **</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU ( ) ***</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SARAWAK</b>	2,835	96.22	1,766	190,609
<b>SELANGOR</b>	2,015	29.56	1,985	666,007
<b>JOHOR</b>	1,950	49.02	1,913 (1)	186,131
<b>SABAH</b>	1,362	33.13	1,629 (2)	190,951
<b>PULAU PINANG</b>	1,276	69.88	1,052	123,649
<b>KELANTAN</b>	1,228	61.44	1,264	107,594
<b>PERAK</b>	1,209	68.17	844	95,688
<b>KEDAH</b>	941	40.95	783	129,334
<b>PAHANG</b>	745	28.29	869	59,960
<b>TERENGGANU</b>	714	54.11	664	50,852
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	356	18.48	383 (1)	184,251
<b>MELAKA</b>	254	26.07	292	56,025
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	152	12.96	175	96,228
<b>PERLIS</b>	62	23.19	113	3,484
<b>WP PUTRAJAYA</b>	24	25.18	14	5,970
<b>WP LABUAN</b>	5	4.79	8	9,945
<b>MALAYSIA</b>	<b>15,128</b>	<b>44.18</b>	<b>13,754 (4)</b>	<b>2,156,678</b>

\*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

\*\*Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

\*\*\*Kes import

## LAMPIRAN 2

Perincian 13,754 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 23 September 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,985	174	938	-	873
JOHOR	1,913	174	1,024	1	714
SARAWAK	1,766	19	909	-	838
SABAH	1,629	194	892	2	541
KELANTAN	1,264	60	809	-	395
PULAU PINANG	1,052	37	329	-	686
PAHANG	869	212	560	-	97
PERAK	844	78	414	-	352
KEDAH	783	-	520	-	263
TERENGGANU	664	3	515	-	146
WP KUALA LUMPUR	383	7	171	1	204
MELAKA	292	33	118	-	141
NEGERI SEMBILAN	175	1	106	-	68
PERLIS	113	-	47	-	66
WP PUTRAJAYA	14	-	11	-	3
WP LABUAN	8	3	-	-	5
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>13,754</b>	<b>995</b>	<b>7,363</b>	<b>4</b>	<b>5,392</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 3****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 23 SEPTEMBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
1	Kampung Sireh Kota Bharu	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	17	23
2	Jalan Gertak Ular Repek	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	13	14
3	Kampung Binjai Mulong	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	13	16
4	Kampung Bunga Mas	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	18
5	Kampung Bechah Semak Hilir	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	8	8
6	Kampung Kubang Chenok	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	6	10
7	Kampung Telimau Pos Terisu	Komuniti	Pahang	Cameron Highlands	22	188
8	Batu 8 Tanjung	Komuniti	Perak	Kinta	10	430
9	Jalan Er Luan	Tempat Kerja	Johor	Muar	61	210
10	Shan Pengerang	Tempat Kerja	Johor	Kota Tinggi	14	18
11	Industri Jalan 1/9C	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat, Kuala Langat, Gombak, Sepang, dan Petaling	70	141

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARING</b>
12	Industri Jalan Semenyih Batu 19	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat dan Petaling	26	112
13	Industri Batu 29 Ijok	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	12	79
14	Ladang Chiku Satu	Tempat Kerja	Kelantan	Gua Musang	9	13
15	Batu 46 Tulid	Tempat Kerja	Sabah	Keningau	48	190



**NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 22 SEPTEMBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>PAHANG</b>	1.03
<b>PERAK</b>	1.02
<b>TERENGGANU</b>	1.01
<b>PERLIS</b>	1.01
<b>SARAWAK</b>	1.00
<b>KELANTAN</b>	1.00
<b>JOHOR</b>	0.99
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0.97
<b>PULAU PINANG</b>	0.92
<b>SABAH</b>	0.89
<b>MELAKA</b>	0.89
<b>KEDAH</b>	0.88
<b>SELANGOR</b>	0.88
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0.86
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.84
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.92</b>